



Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 26 April 2022

Pasca PKP, NESTLÉ Malaysia Catat Peningkatan Jualan *Pertumbuhan kukuh dalam jualan domestik dan eksport serta pemulihan margin*

SOROTAN PENTING

- Perolehan meningkat sebanyak 16.9% kepada RM1.69 bilion, disokong oleh permintaan kukuh dalam jualan domestik dan eksport.
- Penggunaan Di Rumah dan Di Luar Rumah (OOH) yang kukuh, menyusuli jualan mantap sepanjang musim perayaan Tahun Baharu China.

PETALING JAYA, 26 April 2022 – Nestlé (Malaysia) Berhad membuka tirai tahun ini dengan prestasi mantap yang memperkukuh momentum jualan pada suku pertama berakhir 31 Mac 2022. Prestasi yang dicatatkan adalah menyeluruh dan meliputi portfolio jenama, yang seterusnya menjana pemulihan margin.

Penilaian Prestasi (Suku 1, 2022 berbanding Suku 1, 2021)

Perolehan bagi suku yang dilaporkan meningkat kepada RM1.69 bilion, iaitu kenaikan sebanyak 16.9% berbanding RM1.45 bilion pada suku tahun yang sama tahun lepas. Perolehan lebih tinggi ini dipacu oleh jualan domestik dan eksport yang lebih tinggi, yang masing-masing melonjak sebanyak 14.9% dan 25.3%. Prestasi cemerlang dicatatkan oleh perniagaan F&B teras dan juga bahagian OOH di bawah Nestlé Professional, yang telah memanfaatkan pergerakan manusia dan pembukaan semula saluran Hotel, Restoran dan Kafe (HORECA) berikutan pelonggaran perintah kawalan pergerakan.

Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad berkata, “Sempena perayaan ulang tahun ke-110 Nestlé di Malaysia, kami melihat momentum penggunaan yang semakin menggalakkan, disokong oleh usaha kami untuk merangsang permintaan dan juga pelaksanaan operasi yang cemerlang oleh pasukan kilang, logistik dan jualan. Kami terus memberi tumpuan terhadap membekalkan produk yang bermutu tinggi, lazat dan berkhasiat yang memenuhi pelbagai keperluan rakyat Malaysia, di samping memastikan kecemerlangan dalam komunikasi pengguna, penglibatan digital dan aktiviti dalam kedai.”

Kumpulan telah memperkenalkan beberapa produk baharu yang menarik pada suku tahun yang dilaporkan. Ini termasuk rangkaian Mi MAGGI *Nutri-licious* rendah lemak dan rendah garam, yang menerima logo Pilihan Lebih Sihat Kementerian Kesihatan, dan juga Campuran NESCAFÉ Tarik dan Pes Perapan Ayam MAGGI. Beberapa produk baharu juga dilancarkan di bawah bahagian Aiskrim, termasuk Aiskrim NESTLÉ Musang King, Aiskrim NESTLÉ Mochi Boba dan LA CREMERIA Chocolate Brownie Fudge dengan Garam Laut. Semua produk tersebut mendapat sambutan awal yang hebat di seluruh Malaysia.

Kumpulan mencatatkan Untung Sebelum Cukai dan Untung Selepas Cukai yang lebih tinggi bagi suku tahun yang dilaporkan, yang masing-masing berjumlah RM288.6 juta dan RM205.2 juta. Untung sebelum cukai tersebut dicapai dengan sokongan jualan yang lebih tinggi serta pengurangan perbelanjaan berkaitan COVID-19 berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Keputusan yang lebih menggalakkan ini dicapai walaupun berhadapan dengan kesan harga komoditi lebih tinggi, dan juga kesan Cukai Makmur yang dikenakan terhadap Untung Selepas Cukai.

Aranols menambah, “Kami terus menggiatkan agenda kelestarian kami pada suku tahun yang dilaporkan. 100% daripada keperluan elektrik kami kini dipenuhi melalui tarif hijau yang dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Semula Jadi (KeTSA) pada S4 2021. Selepas menerima sambutan positif bagi program kutipan dan kitar semula di kaki lima yang sedia ada, kami meluaskan inisiatif tersebut untuk melibatkan komuniti yang lain, termasuk Kuala Lumpur, menerusi kerjasama dengan Alam Flora Environmental Solutions Sdn Bhd. Tambahan lagi, di bawah inisiatif penanaman semula hutan kami yang dinamakan Projek RELeaf, kami telah menjalankan aktiviti penanaman pokok yang pertama bersama Sime Darby Plantation Berhad, yang menyumbang kepada matlamat kami untuk menanam tiga juta pokok menjelang 2023. Kebanyakan botol (PET) Sedia Diminum kami juga bakal ditukar kepada PET kitar semula.”

“Akhir sekali dan tidak kurang pentingnya, kami juga telah memulakan kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia untuk melaksanakan Program Duta PUTRA Pemakanan Komuniti baru-baru ini. Di bawah program yang akan dijalankan selama setahun ini, kami ingin memperkasakan 100 orang ibu untuk menggalakkan amalan gaya hidup yang lebih sihat dan lestari dalam kalangan penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Lembah Klang.”

Tinjauan 2022

“Kami yakin dapat mengekalkan momentum pertumbuhan sepanjang tahun ini, walaupun kami meramalkan pertumbuhan akan mula mendatar daripada paras semasa yang tinggi pada suku-suku tahun akan datang.”

“Persekitaran global tetap mencabar, dengan inflasi yang semakin meningkat di seluruh dunia dan juga di Asia akibat peperangan di Ukraine yang memberi kesan kepada harga dan bekalan komoditi makanan penting seperti gandum, barli dan minyak bunga mata hari.”

“Secara keseluruhan, pertumbuhan mantap dari segi hasil dijangka dicatatkan pada 2022 dengan sedikit tekanan terhadap keuntungan sambil kita berusaha dengan sedaya upaya untuk mengawal kos dengan meningkatkan kecekapan dalaman dan menaikkan harga secara berpatutan.”

“Walaupun pelbagai cabaran bakal dihadapi, kami bertekad untuk merebut dan memanfaatkan setiap peluang untuk mencatatkan satu lagi tahun yang mantap dan memberangsangkan, sambil terus melaksanakan agenda ESG kami untuk memainkan peranan dalam pembangunan lestari Malaysia,” rumus Aranols.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai

lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456

Bimbit: +6012-235 6865

E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Farah Iman atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Bimbit: +6012-221 8216 (Farah) atau

+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my